

1.

Konstruksi Pengetahuan Sistem Bahasa: Morfologi

Badrul sukar untuk menelan ubat itu kerana rasanya agak _____.

- ☐ A pahit
- ☐ B masin
- ☐ C payau
- ☐ D masam

2.

Konstruksi Pengetahuan Sistem Bahasa: Morfologi

Pasukan sekolah kami _____ memenangi pertandingan syarahan yang diadakan pada dua hari lepas.

- ☐ A telah
- ☐ B akan
- ☐ C masih
- ☐ D sedang

3.

Konstruksi Pengetahuan Sistem Bahasa: Kosa Kata

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan berhuruf condong** dengan betul.

- I Rusdi berpendapat bahawa bekerja di negara sendiri *jauh* lebih baik daripada di negara orang.
- II Eu Jin menaiki bas untuk ke Perpustakaan Negara kerana rumahnya agak *jauh* dari tempat itu.
- III Gayatri *jauh* dengan sikap Najiha yang suka bercakap tentang perkara yang tidak benar tentang dirinya.
- IV Zahir membuang perasaan kecewanya itu *jauh* kerana dia mahu membuktikan bahawa dia mampu berjaya.

- ☐ A I dan II sahaja
- ☐ B III dan IV sahaja
- ☐ C I, II dan III sahaja
- ☐ D II, III dan IV sahaja

4.

Konstruksi Pengetahuan Sistem Bahasa: Kosa Kata

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan berhuruf condong** dengan betul.

- I Penggunaan bahasa rojak akan *menjatuhkan* martabat bahasa Melayu.
- II Mahkamah *menjatuhkan* hukuman penjara dan denda terhadap pesalah rasuah itu.
- III Farina berhati-hati apabila berbicara supaya tidak *menjatuhkan* maruah rakan-rakannya.
- IV Penjelasan yang diberikan oleh pegawai perubatan itu *menjatuhkan* kekeliruan saya tentang penyakit itu.

- ☐ A I dan II sahaja
- ☐ B III dan IV sahaja
- ☐ C I, II dan III sahaja
- ☐ D II, III dan IV sahaja

5.

Konstruk Pengetahuan Sistem Bahasa: Sintaksis

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat yang berikut **mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa dan mungkin juga tidak**.
Tandakan sama ada **A, B atau C** jika ayat itu **mengandungi kesalahan** dan tandakan **D** jika **tiada kesalahan**.

Cikgu Naqib bertanya kepada semua murid di dalam kelas itu tentang kerjaya impian mereka.

- ☐ A tiap-tiap murid di atas kelas
- ☐ B separuh murid di luar kelas
- ☐ C segala murid di hadapan kelas
- ☐ D semua murid di dalam kelas

6.

Konstruk Pengetahuan Sistem Bahasa: Sintaksis

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat yang berikut **mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa dan mungkin juga tidak**.
Tandakan sama ada **A, B atau C** jika ayat itu **mengandungi kesalahan** dan tandakan **D** jika **tiada kesalahan**.

"Mereka harus menyebarkan perbuatan salah laku di kawasan sekolah kepada guru disiplin," pesan tuan pengetua kepada murid-murid itu.

- ☐ A Dia hendak memberitahu perbuatan
- ☐ B Kalian mesti melaporkan perbuatan
- ☐ C Kamu dapat menunjukkan perbuatan
- ☐ D Mereka harus menyebarkan perbuatan

7.

Konstruk Pengetahuan Sistem Bahasa: Sintaksis

Pilih ayat-ayat yang **betul**.

- I Zahar merebahkan tubuhnya di atas katil yang empuk itu.
- II Huzair tidak takut untuk bercakap benar di hadapan Cikgu Hamdan.
- III Lelaki yang berdiri di belakang Arif tadi ialah tokoh sasterawan yang terkenal.
- IV Hanani meletakkan borang permohonan kerja itu di penjuru meja setiausaha syarikat itu.

- ☐ A I dan II sahaja
- ☐ B III dan IV sahaja
- ☐ C I, II dan III sahaja
- ☐ D II, III dan IV sahaja

8.

Konstruk Pengetahuan Sistem Bahasa: Sintaksis

Pilih ayat-ayat yang **betul**.

- I Tahap kesihatan Datuk Murad semakin menurun sejak dia meraih penyakit diabetes.
- II "Kalian perlu mengurangkan pengambilan makanan segera," kata Puan Ayu kepada Zaim.
- III "Apakah bentuk rawatan untuk mengubati penyakit saya?" tanya Ahmad kepada Doktor Lim.
- IV Perbuatan mencuci tangan dengan sabun dan air bersih sebelum menjamah makanan dapat mencegah penyebaran kuman.

- ☐ A I dan II sahaja
- ☐ B III dan IV sahaja
- ☐ C I, II dan III sahaja
- ☐ D II, III dan IV sahaja

9.

Konstruksi Pengetahuan Sistem Bahasa: Sintaksis

Pilih ayat yang mempunyai **maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal**.

Penyertaan murid sekolah dalam pertandingan reka cipta peringkat antarabangsa dapat mengharumkan nama negara.

- ☐ A Pertandingan reka cipta yang dapat mengharumkan nama negara wajar disertai oleh murid sekolah.
- ☐ B Nama negara menjadi masyhur melalui penyertaan murid sekolah dalam pertandingan reka cipta peringkat dunia.
- ☐ C Pertandingan reka cipta dan nama negara menjadi terkenal melalui penyertaan murid sekolah pada peringkat global.
- ☐ D Nama murid sekolah menjadi sebutan pada peringkat antarabangsa melalui penyertaan negara dalam pertandingan reka cipta.

10.

Konstruksi Pengetahuan Sistem Bahasa: Peribahasa

Pilih **peribahasa** yang paling sesuai.

Fateh dan Zamer bersahabat baik. Namun begitu, Fateh terpaksa melaporkan perbuatan Zamer yang telah menconteng dinding bangunan sekolah itu kepada guru disiplin.

Kata-kata hikmat yang paling sesuai dengan situasi di atas ialah _____.

- ☐ A bersekutu bertambah mutu
- ☐ B hidup ini suatu perlumbaan
- ☐ C keadilan tidak mengenal kawan
- ☐ D kita harus memberi dan menerima

Soalan 11 – 15 berdasarkan bahan di bawah ini.

Baca bahan di bawah ini dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

**SYAIR NASIHAT (PENGHUJUNG THAMARAT
AL-MUHIMMAH)**

- 6 Menuntut ilmu janganlah segan,
ilmu yang benar jangan yang bukan,
iaitu ilmu yang kebajikan,
di kitab ini sudah disebutkan.
- 7 Hendaklah anakanda mengaji selalu,
dari yang lain lebihkan dulu,
had syarak jangan dilalu,
tidaklah anakanda beroleh malu.
- 8 Segala perbuatan dengan berilmu,
maka kebajikan boleh bertemu,
jika sebarang-barang diramu,
akhirnya anakanda jatuh tersemu.
- 9 Ilmu itu besar faedahnya,
membezakan hak dengan batilnya,
mengetahui rakyat benar salahnya,
supaya dihukumkan dengan adilnya.
- 10 Jika ilmu tidak diendah,
sebab anakanda *capak permudah*,
rakyat datang membawa gundah,
anakanda tercengang tunduk tengadah.

Dipetik daripada antologi,
Baik Budi, Indah Bahasa, Tingkatan 2,
Kementerian Pendidikan Malaysia

(1)

Konstruk Kemahiran Membaca: Mentafsir

11. Berdasarkan petikan, rangkai kata *capak permudah* membawa maksud...

- ☐ A berat sebelah.
- ☐ B tiada kesabaran.
- ☐ C mengambil berat.
- ☐ D memandang ringan.

(2)

Konstruk Kemahiran Membaca: Mentafsir

12.

Menuntut ilmu janganlah segan

Nyatakan kata-kata hikmat yang sesuai dengan baris syair di atas.

- ☐ A Kata dikotakan
- ☐ B Ilmu pelita hati
- ☐ C Muafakat itu berkat
- ☐ D Bahasa menunjukkan bangsa

(3)

Konstruk Kemahiran Membaca: Menganalisis

13.

supaya dihukumkan dengan adilnya

Apakah nilai yang terdapat dalam baris syair di atas?

- ☐ A Keadilan
- ☐ B Kerajinan
- ☐ C Kepatuhan
- ☐ D Keikhlasan

(4)

Konstruk Kemahiran Membaca: Menganalisis

14. Apakah nasihat ayah kepada anaknya dalam rangkap kelapan syair di atas?

- ☐ A Hati hendaklah ikhlas dan bersih serta rajin berbuat kebajikan.
- ☐ B Ilmu dapat membantu membezakan perkara yang benar dengan yang tidak benar.
- ☐ C Sebarang tindakan perlu didasarkan kepada ilmu pengetahuan agar membawa kebaikan.
- ☐ D Ilmu yang dituntut itu perlulah ilmu yang betul seperti yang telah diperintahkan oleh Allah SWT.

(5)

Konstruk Kemahiran Membaca: Menyusun

15. Yang berikut merupakan pernyataan yang benar berdasarkan petikan puisi, **kecuali**...

- ☐ A penyair menasihati anaknya agar tidak bersikap malas.
- ☐ B pemimpin dapat menjatuhkan hukuman yang adil kepada rakyat tanpa memiliki ilmu pengetahuan.
- ☐ C pemimpin akan menghadapi masalah dalam pentadbiran sekiranya tidak mempunyai ilmu pengetahuan.
- ☐ D penyair menasihati anaknya agar berhati-hati ketika melakukan sesuatu untuk menghindari kemudaratan.